



Headline	Beri insentif kepada pemaju
MediaTitle	Utusan Sarawak
Date	17 Oct 2015
Section	EKONOMI
Page No	E1
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily (EM)



Beri insentif kepada pemaju

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu menyediakan insentif kepada pemaju yang menggalakkan kelestarian dalam projek mereka, menurut Institut Jurutera Malaysia (IEM).

Presidennya, Datuk Lim Chow Hock berkata, kerajaan juga perlu menggalakkan pembangunan dengan Penarafan Hijau dan memberi insentif cukai kepada pemaju yang mencapai Penarafan Hijau tertentu.

"Projek kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan perlu menentukan Penarafan

Hijau, Cekap Tenaga dan pembangunan lestari sebagai keperluan dalam spesifikasi projek untuk memastikan kontraktor mengguna pakai konsep tersebut," katanya dalam kenyataan hari ini.

Lim berkata, pembangunan lestari, yang bertujuan memenu-

hi keperluan hari ini untuk sektor perumahan, persekitaran kerja dan infrastruktur tanpa menjejaskan keperluan masa depan, turut menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

"Ini bermakna penggunaan sumber semula jadi yang cekap, mengurangkan penggunaan bahan-bahan berbahaya, pencemaran dan sisa," katanya.

Kerajaan telah melaksanakan program cekap tenaga dan lestari seperti Standard Prestasi Tenaga Minimum,

Program Janakuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharui oleh Suruhanjaya Tenaga, Tarif Galakan oleh SEDA dan Projek Kecekapan Tenaga Sektor Bangunan oleh Jabatan Kerja Raya.

Bagaimanapun, katanya cabaran utama dalam melak-

sanakan kaedah lestari dalam industri pembinaan ialah mencapai hasil menang-menang untuk alam sekitar dan industri.

Dalam usaha menarik pembeli, pemaju perumahan boleh memasukkan elemen lestari tertentu dalam projek mereka, katanya.

"Pembangunan komersial jangka panjang akhirnya akan menyaksikan manfaatnya dari segi penjimatan kos dalam mengguna pakai teknologi hijau dan

pembangunan lestari, berikutan kos penyelenggaraan bangunan dan infrastruktur akan berkurangan dalam jangka masa panjang.

"Semua ini akan membawa kepada penjimatan secara keseluruhan. Dari segi pemasaran, pemaju juga boleh menggalakkan penjimatan kos untuk

jangka panjang bagi pembangunan mereka yang mematuhi Penarafan Hijau dan menggalakkan cekap tenaga," katanya.

Memandangkan pelaksanaan meningkatkan kos projek, Lim berkata pemaju perlu yakin bahawa menyelesaikan isu lestari akan menambah nilai kepada pembangunan dan orang ramai perlu bersedia untuk membayar kos kemasukan yang tinggi untuk menikmati faedah tersebut.

"Malangnya, industri masih kurang memahami mengenai pembangunan lestari.

"Justeru, lebih ramai peserta sektor pembinaan digalakkan terlibat dalam pembangunan lestari dan meningkatkan pengetahuan mereka mengenainya," katanya.- Bernama